

# RM700,000 naik taraf pekan Sungai Besi



KUALA LUMPUR 14 Jun - Kerajaan hari ini meluluskan peruntukan sebanyak RM700,000 untuk menaik taraf pelbagai kemudahan bagi kegunaan penduduk di pekan Sungai Besi di sini.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, peruntukan itu melibatkan kos RM200,000 untuk menaik taraf

Masjid Jamek Ibnu Khaldun.

Selain itu, menurut beliau, peruntukan sebanyak RM300,000 pula untuk pembinaan tapak penjaja termasuk RM200,000 bagi tempat letak kereta di sekitar tapak penjaja terbabit.

Peruntukan itu diumumkan beliau sewaktu menghadiri Majlis Mesra Rakyat 1Malaysia di pekan itu.

Turut hadir Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin; Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tan Chai Ho dan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar.

Terdahulu, beliau turut meras-

mikan pembangunan semula masjid tersebut membabitkan kos RM9.5 juta dan dijangka siap pada tahun 2014.

Dalam ucapan beliau sebelum itu, Muhyiddin berkata, pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM) untuk pusingan kedua akan terus disokong demi membantu mengurangkan beban rakyat.

“Bagaimanapun, kita serah kepada Perdana Menteri sekiranya boleh dilaksanakan kalau ada lebih peruntukan.

“Setiap kali pusingan BRIM, kerajaan tanggung lebih RM2 bilion, tetapi saya kata kalau boleh tolong rakyat kita beri sajalah walaupun ada pihak kata haram ambil,” katanya.